

SISTEM MERIT UNTUK KELAYAKAN MENGINAP DI KOLEJ

Kolej menyediakan kemudahan penginapan yang selamat dan kondusif untuk pelajar. Selain itu, kolej juga berperanan menyediakan perkhidmatan, didikan bimbingan dan kaunseling yang menjurus kepada kecemerlangan akademik, pembangunan sahsiah dan kepimpinan pelajar melalui aktiviti yang dianjurkan oleh pelajar ataupun secara anjuran bersama dengan pentadbiran kolej, fakulti dan universiti.

Sehubungan itu, semua pelajar digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti yang telah dirancang secara tersusun dan berjadual (kalendar aktiviti) pada setiap sesi kemasukan pelajar untuk mendapatkan jumlah merit yang ditetapkan supaya layak untuk terus menginap di kolej pada sesi pengajian seterusnya. Melalui sistem ini persaingan yang sihat dapat dipertingkatkan di kalangan pelajar dalam melibatkan diri dengan aktiviti di kolej yang menjurus kepada penghasilan graduan yang berkualiti dan berdaya saing .

Justeru itu, semua pelajar yang telah melibatkan diri dalam aktiviti mestilah merekod penglibatan mereka dalam Buku Rekod Aktiviti Pelajar yang diberikan kepada pelajar semasa mereka mula mendaftar sebagai pelajar baharu di UPM.

KRITERIA KELAYAKAN MENGINAP

Bagi syarat-syarat untuk melayakkan diri untuk menginap di kolej kediaman adalah seperti berikut :

1. Merujuk kepada pelajar yang mendaftar di Universiti Putra Malaysia sahaja.
2. Melibatkan diri dalam aktiviti yang diluluskan oleh pihak Universiti sahaja.
3. Mempunyai rekod penglibatan dalam aktiviti yang lengkap dan telah disahkan sahaja di dalam Buku Rekod Aktiviti Pelajar.
4. Mencapai jumlah merit kelayakan menginap yang mencukupi seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Universiti.
5. Berdasarkan kepada kekosongan bilik dan budi bicara Pengetua dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).
6. Semua merit yang diperolehi tidak akan diambil kira sekiranya buku rekod ini tidak dapat dikemukakan apabila dikehendaki oleh pihak yang berkenaan atas alasan hilang dan sebagainya. Buku rekod ini adalah tanggungjawab pelajar.



SISTEM PENGIRAAN MERIT

Semua pelajar mestilah mencapai merit yang mencukupi untuk mendapat kelayakan menginap di kolej kediaman. Setiap pelajar dikehendaki memperoleh minimum 80% merit gabungan setiap peringkat aktiviti seperti jadual berikut :

| PERINGKAT AKHIR | WAJARAN MERIT | MARKAH MERIT | PENGESAHAN MERIT | JUMLAH MERIT TINGGAL DI KOLEJ | MATA MERIT SEBENAR MINIMUM 80% BAGI SETIAP PERINGKAT AKTIVITI YANG PERLU DIKUMPUL |
|--|---------------|--------------|---|---|---|
| KOLEJ KEDIAMAN | 60% | 70 | PENGETUA / FELO / PENGURUS | | 56 |
| ANTARABANGSA / KEBANGSAAN / UNIVERSITI | 10% | 20 | TNC / PENGARAH / BHEP | PELAJAR PERLU PEROLEH MINIMUM 80% MERIT GABUNGAN SETIAP PERINGKAT | 16 |
| PERSATUAN / KELAB | 15% | 15 | BHEP / PENASIHAT | | 12 |
| FAKULTI | 15% | 30 | DEKAN / TD (HEPA) / PENTADBIR / KETUA JABATAN | | 24 |
| JUMLAH | 100 | 135 | | | 108 |

PERUNTUKAN MERIT

Merit ini diperolehi melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti yang telah dirancang melalui peruntukan merit seperti berikut :

1. PERINGKAT KOLEJ KEDIAMAN

(A) Penglibatan dalam kepimpinan peringkat kolej:

| Jawatan | Presiden / Pengerusi | Timbalan / Naib Presiden | S/U | Bendahara | Penolong S/U | Penolong Bendahari | Sekretariat / Exco / AJK |
|---------------------|----------------------|--------------------------|-----|-----------|--------------|--------------------|--------------------------|
| MTM | 12 | 10 | 8 | 8 | 6 | 6 | 6 |
| Kelab / Blok / Ares | 5 | 5 | 4 | 4 | 3 | 3 | 2 |

(B) Penglibatan Dalam Aktiviti:

| Jawatan | Pengarah | Timbalan Pengarah | Setiausaha / Penolong Setiausaha | Bendahara / Penolong Bendahara | AJK / Urusetia / Penyelaras | Facilitator / Sukarelawan / Jurulatih / Ketua Kumpulan / Pengurus Pasukan | Pengacara Majlis / Hakim | Peserta |
|---------|----------|-------------------|----------------------------------|--------------------------------|-----------------------------|---|--------------------------|---------|
| Kolej | 6 | 5 | 5 | 5 | 4 | 4 | 3 | 2 |
| Blok | 4 | 4 | 3 | 3 | 2 | 2 | 2 | 1 |

2. PERINGKAT ANTARABANGSA/KEBANGSAAN/UNIVERSITI

(A) Penglibatan dalam kepimpinan peringkat antarabangsa/kebangsaan/universiti:

| Jawatan | YDP / Presiden / Pengerusi | NYPD / Timbalan Presiden / Pengerusi | Timbalan NYDP @ Naib Presiden / Pengerusi | Setiausaha | Bendahara | Penolong Setiausaha / Penolong Bendahari | Exco / AJK |
|---------------------------|----------------------------|--------------------------------------|---|------------|-----------|--|------------|
| Antarabangsa | 20 | 18 | 15 | 12 | 12 | 10 | 10 |
| Kebangsaan | 18 | 15 | 12 | 10 | 10 | 9 | 9 |
| Majlis Perwakilan Pelajar | 15 | 12 | 10 | 9 | 9 | 8 | 8 |

(B) Penglibatan dalam aktiviti:

| Jawatan | Pengarah | Timbalan Pengarah | Setiausaha / Penolong Setiausaha | Bendahara / Penolong Bendahari | AJK / Urusetia / Penyelaras | Facilitator / Sukarelawan / Jurulatih / Ketua Kumpulan / Pengurus Pasukan | Pengacara Majlis / Hakim | Peserta |
|--------------|----------|-------------------|----------------------------------|--------------------------------|-----------------------------|---|--------------------------|---------|
| Antarabangsa | 15 | 10 | 10 | 10 | 8 | 8 | 6 | 5 |
| Kebangsaan | 13 | 8 | 8 | 8 | 6 | 6 | 5 | 4 |
| Universiti | 10 | 7 | 7 | 7 | 5 | 5 | 4 | 3 |

3. PERINGKAT PERSATUAN/KELAB

(A) Penglibatan dalam kepimpinan peringkat persatuan/kelab:

| Jawatan | YDP / Presiden / Pengerusi | NYPD / Timbalan Presiden / Pengerusi | Timbalan NYDP @ Naib Presiden / Pengerusi | Seliausaha | Bendahari | Penolong Seliausaha / Penolong Bendahari | Exco / AJK |
|----------------------|----------------------------------|---|---|------------|-----------|---|---------------|
| Persatuan / Kelab | 12 | 10 | 9 | 8 | 8 | 6 | 6 |

• Pesatuan/Kelab yang tidak didaftarkan di peringkat Kolej/Fakulti.

(B) Penglibatan dalam aktiviti:

| Jawatan | Pengarah | Timbalan Pengarah | Seliausaha / Penolong Seliausaha | AJK / Urusetia / Penyelarasan | Fasilitator / Sukarelawan / Jawatanan Ketua Kolej / Kongres / Pasukan | Penolong Seliausaha / Penolong Bendahari | Exco / AJK |
|----------------------|----------|----------------------|--|-------------------------------------|--|---|------------|
| Persatuan / Kelab | 5 | 5 | 4 | 4 | 3 | 3 | 2 |

• Pesatuan/Kelab yang tidak didaftarkan di peringkat Kolej/Fakulti.

4. PERINGKAT FAKULTI

(A) Penglibatan dalam kepimpinan peringkat fakulti:

| Jawatan | Presiden / Pengerusi | Timbalan / Naib Presiden | S/U | Bendahari | Penolong S/U | Penolong Bendahari | Sekretariat / Exco / AJK |
|----------------------|-------------------------|--------------------------------|-----|-----------|-----------------|-----------------------|-----------------------------|
| Persatuan / Kelab | 12 | 10 | 8 | 8 | 6 | 6 | 6 |

• Pesatuan/Kelab yang tidak didaftarkan di peringkat BHEP.

(B) Penglibatan dalam aktiviti:

| Jawatan | Presiden / Pengerusi | Timbalan Pengarah / Pengerusi | Seliausaha | Bendahari / Sekretariat | AJK | Wakil Suken / Kebudayaan | Hadiri Latihan | Penyokong |
|----------------------|-------------------------|-------------------------------------|------------|----------------------------|-----|-----------------------------|-------------------|-----------|
| Persatuan / Kelab | 6 | 5 | 5 | 5 | 4 | 4 | - | 1 |

(C) Akademik:

| Bil | Pencapaian | Merit |
|-----|--|-------|
| 1 | Pemegang Anugerah Akademik Peringkat Universiti | 15 |
| 2 | Pemegang Anugerah Akademik Peringkat Fakulti / Kolej | 12 |
| 3 | CGPA 3.75 - 4.00 | 10 |
| 4 | GPA Kepujian Dekan | 8 |

5. PEMENANG AKTIVITI

| Tempat | Johan | Naib Johan | Ketiga | Penyertaan | Penyokong |
|-----------------|-------|------------|--------|------------|-----------|
| Peringkat | | | | | |
| Antarabangsa | 20 | 19 | 18 | 17 | 1 |
| Kebangsaan | 18 | 16 | 14 | 7 | 1 |
| Negeri | 16 | 14 | 12 | 6 | 1 |
| Intervarsity | 14 | 12 | 10 | 5 | 1 |
| Universiti | 12 | 10 | 8 | 4 | 1 |
| Persatuan Kelab | 10 | 8 | 6 | 2 | 1 |
| Fakulti / Kelab | 10 | 8 | 6 | 2 | 1 |
| Blok | 5 | 4 | 3 | 2 | 1 |

Nota:

*Pemarkahan untuk pemenang aktiviti merujuk kepada semua Peringkat Aktiviti.

*Bagi pencapaian istimewa seperti mewakili Negara dan sebagainya, kelulusan untuk tinggal di Kolej adalah bergantung kepada budi bicara Pengetua Kolej.